

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BAGI JAWAPAN LISAN MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAカン]

TARIKH : 4 NOVEMBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAカン] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam menyelesaikan kemelut dan permasalahan petani-petani pegangan kecil (*smallholding*) yang selama ini terlalu bergantung harap kepada tanaman kelapa sawit yang mengalami masalah harga yang kurang menguntungkan petani. Adakah usaha untuk memperkenalkan tanaman-tanaman lain yang boleh memberi pulangan lebih baik kepada petani dan dalam usaha mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari luar negara.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kementerian amat prihatin terhadap nasib pekebun kecil sawit yang amat bergantung pada hasil sawit yang telah terjejas akibat paras harga komoditi pada masa ini. Oleh yang demikian, bagi mengurangkan tahap kebergantungan sepenuhnya kepada hasil sawit, Kementerian amat mengalakkan para pekebun kecil melaksanakan integrasi tanaman. Kaedah ini jika diamalkan secara sistematik, disamping dapat memberi pendapatan tambahan kepada pekebun kecil sawit, ia juga akan dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap pengimportan bahan makanan dari luar negara.

Kementerian melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) telah melakukan pelbagai kajian ke atas pelbagai jenis tanaman yang dapat

menjana pendapatan kepada pekebun jika dilakukan secara integrasi dengan sawit. Sehingga kini teknologi integrasi tanaman melibatkan lebih daripada 20 jenis tanaman bernilai tinggi yang bersesuaian ditanam dengan sawit telah dipindahkan kepada pekebun kecil. Teknologi integrasi ini telah dikenalpasti dapat menjana pendapatan tambahan yang baik kepada penanam sawit di samping tidak menjaskan aktiviti hasil utama buah tandan sawit.

Pekebun kecil sawit amat digalakkan untuk melaksanakan integrasi tanaman yang sesuai ketika sawit masih diperingkat umur muda kurang daripada tiga tahun. Pelbagai jenis tanaman jangka pendek sesuai untuk diintegrasikan di antara baris-baris sawit selepas program penanaman semula atau penanaman baru sawit siap dilaksanakan. Tanaman seperti pisang berangan, pisang tanduk, kacang tanah, nanas, tebu kuning, keledek, padi huma, tembikai, jagung manis, betik, sayur-sayuran dan lain-lain tanaman singkat sesuai ditanam di ruang yang kosong antara barisan sawit muda. Strategi memaksimumkan penggunaan tanah ini dapat menjana pendapatan awal yang lumayan kepada pekebun kecil jika dilaksanakan secara sistematik.

Bagi membolehkan integrasi tanaman dengan sawit dijalankan ketika sawit telah matang iaitu berumur lebih 3 tahun, MPOB telah membangunkan sistem tanaman sawit yang dikenali sistem tanaman sawit dua baris kembar. Sistem tanaman sawit dua baris kembar ini dapat meningkatkan penembusan cahaya matahari dan ruang untuk perlaksanaan integrasi tanaman dengan sawit. Menggunakan sistem ini, integrasi tanaman boleh dilaksanakan dalam jangka masa yang panjang dan tidak terhad ketika umur sawit masih muda.

Selain tanaman jangka pendek, tanaman jangka panjang juga sesuai diintegrasikan dalam sistem tanaman sawit dua baris kembar. Antara jenis tanaman yang telah dikaji sesuai untuk diintegrasikan dalam sistem tanaman sawit dua baris kembar ialah pisang berangan, pisang tanduk, kacang tanah, nanas, tebu kuning, keledek, tembikai, jagung manis, tongkat ali, lada hitam, salak dan lain-lain tanaman.

Sekian, Terima Kasih.